



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

PANDUAN PERMOHONAN

**INISIATIF PENYELENGGARAAN RUMAH IBADAT BUKAN
ISLAM (RIBI) SELURUH NEGARA**

TAHUN 2023

1. TUJUAN

- 1.1. Panduan ini bertujuan untuk memberikan maklumat berkaitan tata cara permohonan penyaluran bantuan kewangan bagi Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (“RIBI”) Seluruh Negara yang merangkumi kerja-kerja pembaikan, pengubahsuaian, penyelenggaraan dan kecemasan berdasarkan syarat-syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan (“Inisiatif”).

2. OBJEKTIF

- 2.1. Meringankan beban kewangan organisasi dalam menanggung kos-kos pembaikan, pengubahsuaian, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di premis masing-masing.

3. FAEDAH DAN HASIL

- 3.1. Membantu organisasi dalam memastikan kelancaran operasi di premis.

4. TAFSIRAN

- 4.1. Bagi maksud Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna lain, tafsiran di dalam Garis Panduan ini adalah seperti yang berikut:

- 4.1.1. “**Bantuan Kewangan**” ertinya peruntukan sejumlah wang oleh Kerajaan kepada Organisasi di bawah Inisiatif Bajet Tahun 2023 bagi membiayai kos pelaksanaan Inisiatif yang merangkumi kerja-kerja pembangunan, pengubahsuaian, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan bagi RIBI berdasarkan skop kerja yang telah diluluskan;
- 4.1.2. “**Organisasi**” ertinya pihak pengurusan RIBI termasuklah wakil, ejen atau pegawai lain, kakitangan dan penerima serah hak yang telah diberi kuasa oleh Organisasi secara sah di bawah undang-undang;

- 4.1.3. “**Kerja-kerja Pembaikan**” ertinya kerja-kerja yang melibatkan pembaikan kerosakan yang dilakukan disebabkan oleh apa-apa kerosakan;
- 4.1.4. “**Kerja-kerja Pengubahsuaihan**” ertinya kerja-kerja yang melibatkan ubah suai, penyambungan atau penambahan struktur binaan dan ruang;
- 4.1.5. “**Kerja-kerja Penyelenggaraan**” ertinya kerja-kerja penyelenggaraan yang melibatkan kerja-kerja elektrik, mekanikal dan penggantian peralatan atau perabot rosak dan perabot siap bina (*built-in furniture*) yang rosak di RIBI. Jenis-jenis peralatan atau perabot merangkumi:
- a. almari dan rak (*built-in*);
 - b. kerusi dan meja;
 - c. penyaman udara;
 - d. kipas ekzos (*ventilation exzos*);
 - e. kamera litar tertutup (CCTV);
 - f. sistem penggera keselamatan;
 - g. sistem pam tangki air; dan
 - h. apa-apa peralatan atau perabot lain yang difikirkan sesuai yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;
- 4.1.6. “**Kerja-kerja Kecemasan**” ertinya kerja-kerja pembaikan yang perlu dilaksanakan dengan kadar segera akibat kerosakan atau kemusnahan yang berpunca daripada kejadian bencana alam atau lain-lain kejadian seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan sebagainya;
- 4.1.7. “**Premis**” ertinya rumah ibadat bukan Islam yang merupakan tempat atau lokasi Organisasi melaksanakan Inisiatif.

5. SKOP KERJA

- 5.1. Permohonan bagi Inisiatif ini hanya meliputi skop kerja seperti berikut:
- 5.1.1. **Kerja-kerja Pembaikan** yang melibatkan kerja-kerja sivil, elektrik dan mekanikal.
 - 5.1.3. **Kerja-kerja Pengubahsuaian** termasuklah mengubah suai, menyambung atau menambah struktur binaan atau ruang yang melibatkan kerja-kerja sivil, elektrik dan mekanikal.
 - 5.1.2. **Kerja-kerja Penyelenggaraan** yang melibatkan kerja-kerja elektrik, mekanikal dan penggantian peralatan atau perabot rosak dan perabot siap bina (*built-in furniture*) yang rosak di Premis.
 - 5.1.3. **Kerja-kerja Kecemasan** yang melibatkan kerja-kerja pembaikan yang perlu dilaksanakan dengan kadar segera akibat kerosakan atau kemusnahan yang berpunca daripada kejadian bencana alam atau lain-lain kejadian seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan sebagainya yang memerlukan kerja-kerja kecemasan dilaksanakan.

6. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 6.1. Saringan permohonan akan dibuat di peringkat Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekutuan Hijau (BH), KPKT. Permohonan yang memenuhi semua syarat kelayakan sahaja yang akan dibentangkan untuk pertimbangan dalam Mesyuarat *Taskforce* Inisiatif Penyelenggaraan RIBI.
- 6.2. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:
- 6.2.1. Organisasi hendaklah **berdaftar** di bawah entiti undang-undang seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (“ROS”), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) dan sebagainya;

6.2.2. Organisasi hendaklah mempunyai **akaun bank** atas nama Organisasi dan mengemukakan maklumat serta salinan akaun bank yang disahkan oleh pihak bank;

6.2.3. Organisasi hendaklah memajukan salinan **dokumen status tanah yang telah disahkan** oleh Pejabat Tanah iaitu—

- a) Geran tanah; dan/atau
- b) Dokumen status pemilikan tanah seperti yang berikut:
 - i. Surat kebenaran Tuan Tanah / Pemilik Ladang; atau
 - ii. Salinan Geran Tanah dan Surat Kebenaran Persatuan / Pemegang Amanah yang membenarkan Premis beroperasi atas tanah milik Persatuan / Pemegang Amanah berkenaan; atau
 - iii. Surat dari Pejabat Tanah yang memaklumkan berkenaan proses pengesahan status tanah sedang dilaksanakan seperti berikut:
 - a. Proses permohonan geran tanah;
 - b. Proses penukaran hak milik; atau
 - c. Proses penukaran syarat-syarat nyata.

6.2.4. Pelaksanaan bagi kerja-kerja ini adalah **hanya sehingga 31 Disember 2023.**

7. TATACARA PERMOHONAN

7.1. Pemohon mestilah melengkapkan **Borang Permohonan Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Seluruh Negara** yang disediakan oleh KPKT seperti di **Lampiran**.

7.2. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) **anggaran kos bagi kerja-kerja yang dimohon**
 - (i) **BQ** berkaitan kerja-kerja yang dimohon dan telah disahkan oleh jurutera atau arkitek yang bertauliah (bagi skop kerja di perenggan 5.1.1 dan 5.1.2); atau
 - (ii) **Sebut Harga** bagi skop kerja di perenggan 5.1.3 dan 5.1.4 yang telah disahkan oleh jurutera atau arkitek yang bertauliah;
- b) **salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan** daripada ROS atau sijil/surat badan/agensi berkaitan yang telah disahkan;
- c) **salinan penyata akaun bank** yang telah disahkan atas nama Organisasi. Permohonan yang dibuat menggunakan akaun bank pihak ketiga tidak akan dipertimbangkan; dan
- d) **gambar-gambar semasa** berkaitan kerja-kerja yang dimohon.

7.3. Borang Permohonan Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Seluruh Negara yang telah lengkap diisi berserta dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan ke alamat yang berikut:

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Aras 10, No 51, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62000, PUTRAJAYA

(u.p: Urus Setia Taskforce Inisiatif Penyelenggaraan RIBI

Bahagian Kemampunan Bandar dan Persekitaran Hijau)

Emel : RIBI2023@kpkt.gov.my

Telefon : 1. Pn. Rina Binti Mamat - 03-88915523

2. Pn. Iswani Binti Ismail - 03-88915538

3. Pn. Norzubaida Binti Md Ali - 03-88915512

4. Puan Norliza Binti Jamil - 03-88915537

5. Puan Norhayati binti Hasman - 03-88915534

6. Puan Syafikah Binti Junus @ Ramli - 03-88915520

7.4. Hanya permohonan lengkap dan menepati syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan sahaja yang akan diproses.

LAMPIRAN:

BORANG

PERMOHONAN



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

INISIATIF PENYELENGGARAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) SELURUH NEGARA

CHECKLIST PERMOHONAN DAN DOKUMEN-DOKUMEN BERKAITAN (3 SALINAN SETIAP DOKUMEN)

BORANG PERMOHONAN

(Yang telah dilengkапkan)

SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERTUBUHAN BAGI ORGANISASI RIBI

(Yang telah disahkan oleh pihak berkaitan dengan pendaftaran)

SALINAN PENYATA AKAUN BANK ORGANISASI RIBI

(Yang telah disahkan oleh Bank berkaitan)

SALINAN SIJIL/GERAN TANAH LOKASI RIBI YANG BERKAITAN

(Yang telah disahkan oleh Pejabat Tanah dan Galian)

RINGKASAN SKOP KERJA-KERJA BESERTA GAMBAR

(Skop kerja berserta dengan gambar-gambar struktur RIBI yang memerlukan penyelenggaraan, pembaikan, pengubahsuaian atau berkaitan)

ANGGARAN KOS PERMOHONAN, *BILL OF QUANTITY (BQ)* ATAU SEBUT HARGA BERKAITAN PERMOHONAN KERJA-KERJA

(Yang telah disahkan oleh jurutera atau arkitek yang bertauliah)

Tandatangan Setiausaha Pertubuhan :

Cop Rasmi Pertubuhan :

Tarikh :



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

BORANG PERMOHONAN**INISIATIF PENYELENGGARAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) SELURUH NEGARA**

BUTIRAN PERMOHONAN			
NAMA ORGANISASI			
NAMA RUMAH IBADAT			
ALAMAT BERDAFTAR RUMAH IBADAT			
NO. TELEFON		ALAMAT e-MEL	
AGAMA (Sila potong yang tidak berkenaan)	BUDDHA/ KRISTIAN/ HINDU/ SIKH/ TAO & LAIN-LAIN: _____ (Nyatakan)s		
NAMA BANK (Sila sertakan Penyata Akaun Bank)		NO. AKAUN	
NOMBOR PENDAFTARAN ATAU RUJUKAN (Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran atau Surat berkaitan)	(ROS / SSM / PEMEGANG AMANAH / AKTA PARLIMEN / LAIN-LAIN)* NYATAKAN: (_____ * Potong mana-mana yang tidak berkenaan		
STATUS TANAH (Sila sertakan salinan Geran Tanah)	(PERSENDIRIAN / PERSEKUTUAN / RIZAB PERSEKUTUAN / RIZAB NEGERI / TANAH KERAJAAN NEGERI / TANAH GSA / LAIN-LAIN)* NYATAKAN: (_____ * Potong mana-mana yang tidak berkenaan		

MAKLUMAT PERMOHONAN INISIATIF PENYELENGGARAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM				
TUJUAN PERMOHONAN (Sila tanda (/) pada ruang berkenaan)	<input type="checkbox"/> PEMBAIKAN	<input type="checkbox"/> PENGUBAHSUAIAN	<input type="checkbox"/> PENYELENGGARAAN	<input type="checkbox"/> KERJA-KERJA KECEMASAN
PROJEK YANG TERLIBAT (Sila tanda (/) pada ruang berkenaan)	<input type="checkbox"/> KERJA-KERJA SIVIL	<input type="checkbox"/> KERJA-KERJA ELEKTRIK	<input type="checkbox"/> KERJA-KERJA MEKANIKAL	<input type="checkbox"/> KERJA-KERJA PENGGANTIAN (Peralatan / Perabot Rosak)
JUMLAH KESELURUHAN YANG DIPOHON	RM _____		ANGGARAN TEMPOH PELAKSANAAN	_____ bulan
Nota: Lampirkan <i>Bill of Quantities</i> (BQ) atau Sebut Harga yang telah disahkan oleh arkitek/jurutera bertauliah dan gambar-gambar semasa yang berkaitan				

PENGESAHAN PEMOHON

Dengan ini saya telah melengkapkan kesemua perkara-perkara di atas untuk proses kelulusan pihak KPKT dan BERSETUJU dengan perkara-perkara berikut:

- i) Kelulusan skop kerja adalah tertakluk kepada keputusan *Taskforce Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)* KPKT;
- ii) Tiada sebarang pindaan terhadap skop kerja yang telah diluluskan kecuali dengan pengesahan dan kelulusan pihak KPKT;
- iii) Permohonan ini adalah untuk kerja-kerja yang belum bermula; dan
- iv) Permohonan belum pernah dimohon dan tidak bertindih dengan mana-mana Agensi lain.

(Tandatangan Setiausaha Organisasi RIBI) Nama: Tarikh:	(Cop Jawatan dan Organisasi RIBI)
--	-----------------------------------

ULASAN EXCO NEGERI / AHLI PARLIMEN / AHLI DUN (sekiranya ada)

Disokong/Ditolak/Ditangguh (*potong mana yang berkenaan*)

Ulasan (*Jika ada*):

(Tandatangan) Nama: Tarikh:	(Cop Rasmi)
-----------------------------------	-------------

PENGESAHAN PENERIMAAN KEMENTERIAN (Urus Setia)

(Tandatangan) Nama: Tarikh:	(Cop Rasmi KPKT/Agensi)
-----------------------------------	-------------------------

Nota:

1. Tarikh tutup permohonan RIBI adalah pada **30 Jun 2023**.
2. Mohon kembalikan borang permohonan yang telah lengkap diisi dan dokumen berkaitan **dalam satu (1) salinan** kepada:

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Aras 10, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62000 PUTRAJAYA

(u.p: Urus Setia *Taskforce* Inisiatif Penyelenggaran RIBI

Bahagian Kemampunan Bandar dan Persekutaran Hijau)

Emel : RIBI2023@kpkt.gov.my

Telefon : 1. Pn. Rina Binti Mamat - 03-88915523

2. Pn. Iswani Binti Ismail - 03-88915538

3. Pn. Norzubaida Binti Md Ali - 03-88915512

4. Puan Norliza Binti Jamil - 03-88915537

5. Puan Norhayati binti Hasman - 03-88915534

6. Puan Syafikah Binti Junus @ Ramli - 03-88915520

3. Salinan dokumen yang dikemukakan **perlu disahkan** dan **borang yang tidak lengkap diisi tidak akan diproses**.
4. Contoh bagi skop kerja-kerja yang dimohon:

KERJA-KERJA SIVIL	KERJA-KERJA ELEKTRIK	KERJA-KERJA MEKANIKAL	KERJA-KERJA PENGGANTIAN
Melibatkan struktur bangunan, lantai jubin, siling, bumbung, parit, pagar atau kerja-kerja mengecat	Melibatkan pendawaian elektrik, membaiki kotak fius elektrik, lampu, kipas, kamera CCTV atau plug	Melibatkan penghawa dingin, lif atau sistem pam tangki air	Melibatkan penggantian peralatan atau perabot rosak dan perabot siap bina (<i>built-in furniture</i>) yang rosak